

APLIKASI MODEL HUMOR SHAIFUL BAHRI: SUATU PEMBAHARUAN DALAM WAYANG KULIT KELANTAN

(Application of Shaiful Bahri's Humour Model in the Shadow Puppet Theatre of Kelantan)

Mohd. Zaki Ab. Rahim
zakiabra67@yahoo.com

Jabatan Ilmu Pendidikan,
Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan.

Abstrak

Makalah ini membincangkan unsur humor dalam wayang kulit dengan tumpuan khusus pada persembahan wayang kulit Dalang Saupi. Sebagai seni persembahan yang kian terpinggir, peranannya sebagai entiti hiburan tidak lagi dianggap relevan kerana unsur humornya yang rigid dan gayanya yang sudah ketinggalan zaman. Sehubungan dengan itu, Dalang Saupi telah melakukan pelbagai pengubahsuaian. Dari segi naratifnya, aspek humor oleh watak inang pengasuh dikembangkan dan diberikan keutamaan, selain watak Pak Dogol, Said, Wak Long, Samat dan Wok Yoh, supaya lebih kontemporari dan berciri semasa. Kajian yang berorientasikan kerja lapangan ini dilakukan di Kota Bharu, Pasir Mas, Machang dan Pasir Putih, Kelantan dengan meneliti empat buah cerita sebagai rujukan. Makalah ini menghuraikan cara Dalang Saupi memanipulasi dan mengaplikasi unsur humor dalam persembahannya menggunakan model humor Shaiful Bahri (2000) menerusi unsur kritikan, kejanggalan, keanehan dan kejutan sehingga berjaya membangkitkan minat khalayak dan menyegarkan kembali seni wayang kulit Kelantan sebagai wadah hiburan.

Kata kunci: humor, wayang kulit Kelantan, kritikan, kejanggalan, keanehan, kejutan

Abstract

This article discusses elements of humour in the wayang kulit—the shadow puppet theatre—of Kelantan, focusing especially on the performances of Dalang Saupi. As an increasingly sidelined art form, wayang kulit is becoming irrelevant as a form of

entertainment due to its rigid elements of humour and its outdated style. In reaction to this, Dalang Saupi has carried out some modifications. In terms of its narrative, the humourous aspects of the inang or lady-in-waiting has been expanded and given greater prominence, apart from such characters as Pak Dogol, Said, Wak Long, Samat and Wok Yoh, which are made to seem more current. This field work study was carried out in Kota Bharu, Pasir Mas, Machang and Pasir Putih in Kelantan, and concerned itself with four storylines. The article explains how Dalang Saupi infuses humour in his performances, using Shaiful Bahri's (2000) humour model as a basis. Criticism, oddness, strangeness and surprise are employed to attract audience attention and inject fresh life into the wayang kulit of Kelantan.

Keywords: humour; Kelantanese shadow puppet theatre, criticism, oddness, strangeness, surprise

PENDAHULUAN

Kelantan merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan kerencaman warisan budaya setempat. Antaranya termasuklah seni persembahan wayang kulit yang juga dikenali sebagai wayang kulit Siam yang sinonim dengan kehidupan seharian masyarakat tempatan, khususnya sekitar tahun 1960-an dan 1970-an. Saban malam hingga menjelang dinihari, persembahan wayang kulit oleh dalang tersohor seperti Dalang Dollah Baju Merah, Dalang Awang Bekelam dan juga Tok Dalang Pak Su Karim Perindu akan berkumandang memukau khalayaknya (Ghulam Sarwar, 1992). Mengenali seni wayang kulit Kelantan juga dianggap sebagai memahami pandangan alam (*weltanschauung*) masyarakat Melayu Kelantan (Abdul Razak, 2002).

Namun, kini wayang kulit di Kelantan telah mengalami era kemerosotan (Yasuko, 2007:51). Rata-rata masyarakatnya memandang sepi seni tersebut kerana menganggapnya sudah ketinggalan zaman dan dikaitkan dengan perubahan mentaliti perbandaran. Situasi ini diburukkan lagi oleh tindakan kerajaan negeri yang mengharamkan persembahan wayang kulit kerana dianggap mengandungi unsur khurafat yang bertentangan dengan syariat dan ajaran Islam (Hanapi, 1995). Walau bagaimanapun bagi memberikan nafas baharu dan mempopularkan kembali seni wayang kulit dalam kalangan masyarakat, Dalang Saupi telah mengambil inisiatif dan membuat pelbagai perubahan dalam persembahannya. Antara perubahan tersebut termasuklah meninggalkan upacara “tabuhan” yang berunsurkan pemujaan dan ritual kerana mengandungi tatalaku dan kalimah *isti'azah* yang bertentangan dengan ajaran Islam (Hanapi, 1995).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui bagaimanakah Dalang Saupi atau nama sebenarnya Che Md. Saupi Isa menggembeleng pelbagai unsur humor untuk menarik kembali perhatian khalayak supaya menikmati seni persembahan wayang kulit Kelantan. Tumpuan akan diberikan pada daya kreativitinya yang tinggi dan kehebatannya memanipulasi segala bentuk kelucuan menerusi watak inang pengasuh.

PERMASALAHAN KAJIAN

Naratif dalam persembahan wayang kulit Kelantan sejak dahulu hingga kini dilihat banyak menyelitkan unsur humor dalam penceritaannya. Unsur humor tersebut dilakukan oleh watak inang pengasuh seperti Pak Dogol, Wok Long, Wok Yoh, Samat dan Said. Semua unsur humor tersebut ditimbulkan dalam situasi yang sangat rigid dengan ikatan penceritaan yang bersifat tradisional. Reaksi dan sambutan khalayak terhadap gaya naratif dan unsur humor yang bersifat tradisional dilihat tidak lagi relevan dengan kecenderungan berhibur masyarakat setempat pada masa ini. Khalayak juga tidak lagi dapat menyesuaikan diri untuk berhibur melalui unsur humor yang rigid dengan gaya yang sudah ketinggalan zaman. Situasi sedemikian menyebabkan persembahan wayang kulit Kelantan mengalami peminggiran “fungsional” sebagai elemen hiburan semasa (Rahimidin, 2007).

Sehubungan dengan itu, bagi menarik kembali minat masyarakat, pelbagai perubahan dilakukan untuk menyesuaikan persembahan wayang kulit dengan gaya dan selera khalayak kini. Pendekatan baharu yang dilakukan oleh Dalang Saupi adalah dengan cara memberikan penekanan terhadap naratifnya yang mengembangkan unsur humor oleh watak inang pengasuh. Isi dan jalan penceritaannya lebih kontemporari, sesuai dengan perkembangan semasa, dan berkisar tentang kehidupan seharian masyarakat di pantai timur. Antaranya termasuklah isu gejala lepak sama ada oleh golongan muda atau tua, kebejatan sosial dalam kalangan muda-mudi, rempit, kemiskinan, pengaruh Bollywood dan dangdut, serta eksodus golongan muda ke bandar di luar Kelantan. Selain itu, sifat dan rupa bentuk fizikal yang lucu dimiliki oleh Pak Dogol, Wok Long, Samat dan Said turut dikembangkan dan diperbesar seperti berperut buncit, berpunggung tonggek, pusat terkeluar (bujai), kepala bonjol ke belakang, dan sebagainya (Sheppard, 1965).

Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, maka kajian ini dapat menjelaskan bagaimanakah Dalang Saupi memanipulasi dan mengaplikasi unsur humor sehingga berjaya menyegarkan kembali seni wayang kulit Kelantan sebagai wadah hiburan yang sesuai dengan khalayak kini. Daripada keseluruhan cerita yang dipersembahkan

oleh Dalang Saupi, tiga kisah wayang kulitnya yang dijadikan bahan kajian ialah kisah *Bunga Andani Bunga Andano (BABA)*, kisah *Naga Emas Geliga Sakti (NEGS)* dan *Hikayat Jembalang Bota Emas Waja Wana (HJBEWW)*.

KERANGKA MODEL YANG DIGUNAKAN UNTUK MELIHAT UNSUR HUMOR DALAM WAYANG KULIT KELANTAN

Untuk melihat teknik Dalang Saupi menimbulkan unsur humor sama ada kelucuan, geli hati dan rasa tercuit ketika persembahan, model humor Shaiful Bahri (2000) telah digunakan dengan melakukan beberapa penyesuaian. Menurut model Shaiful Bahri, setiap manusia akan rasa tercuit dan geli hati apabila wujudnya beberapa situasi, keadaan dan juga perlakuan yang ditunjukkan oleh seseorang dalam sesuatu perhubungan. Rasa tercuit itu pula akan lebih ketara dan berkesan apabila situasi, keadaan atau juga perlakuan tersebut dimanipulasi oleh orang lain. Unsur ini sengaja ditimbulkan bertujuan mempermainkan dan menyindir orang yang serba kekurangan sehingga akhirnya membuatkan para khalayak berasa geli hati. Hasilnya, situasi ini membangkitkan unsur humor dalam sesuatu perhubungan. Oleh sebab itu, model humor Shaiful Bahri menekankan reaksi terhibur, ketawa atau senyum sinis yang terbit daripada unsur humor yang disebabkan oleh beberapa faktor. Unsur humor tersebut terbit daripada kritikan, kejanggalan, keanehan, kejutan dan ketaksaan.

Kritikan

Mathew Arnold mendefinisikan kritikan sebagai “satu aktiviti mental yang bertujuan mempelajari dan menyebarkan sesuatu fikiran dan sesuatu yang diketahui agar dapat dijadikan ilmu yang baharu” (Hashim, 1997:6). Mana Sikana (1983:3) pula melihat kritikan sebagai “satu disiplin ilmu yang sistematik, dan membicarakan soal penghayatan, penganalisan dan penilaian sesebuah karya atau tingkah laku, serta pemikiran”. *Encyclopaedia Britannica* (1966:780) pula memberikan makna kritikan sebagai “perbincangan kesenian yang beralasan dan bersistem untuk menghuraikan atau menilai teknik dan hasilnya”. Kritikan terhadap individu pula merujuk unsur kutukan, cercaan, sindiran, hentaman dan juga herdikan yang dilemparkan oleh seseorang kepada orang lain, bertujuan menjatuhkan nilai diri dan alat untuk berhibur dan menghilangkan tekanan.

Kejanggalan

John Morreall (1983:15) menjelaskan bahawa *incongruity is a cognitive reaction to something that is unexpected, illogical or inappropriate in some other way*. Oleh

itu, kejanggalan merupakan suatu reaksi kognitif kepada sesuatu yang dijangkakan, tidak munasabah atau tidak bersesuaian dengan apa-apa cara pun. Paul Mc. Ghee (1979:6-7) pula berpendapat sesuatu tindakan atau perlakuan oleh seseorang akan dianggap janggal apabila sesuatu susunan maklumat dan tingkah laku bagi sesuatu perkara tidak bersesuaian dengan kebiasaan (kelaziman) atau corak yang sepatutnya.

Keanehan

Menurut *Kamus Dewan* (2007:54) “aneh” merujuk sesuatu yang tidak biasa dan ganjil. Oleh itu, keanehan ialah sesuatu yang bersifat ganjil, luar biasa dan pelik. Kebiasaanya, kelucuan timbul pada bahagian klimaks sesuatu cerita. Klimaks memperlihatkan sesuatu yang pelik dan aneh atau ganjil, iaitu reaksi watak yang berkaitan dengan sesuatu aksi dan keadaan atau penyelesaian yang menimbulkan keanehan dan keganjilan atau kepelikan.

Kejutan

Menurut *Kamus Dewan* (2007:706) “kejutan” didefinisikan sebagai sesuatu yang memeranjatkan atau kesan dan akibat yang menyebabkan orang terkejut. *Kamus Dwibahasa* (2000:2001/1264) pula mendefinisikannya sebagai memeranjatkan, mengkagetkan, mengejutkan dan menghairankan.

HUMOR DAN WAYANG KULIT DALANG SAUPI

Dalam seni persembahan wayang kulit Kelantan, selain penekanan pada jalan cerita utama, unsur humor juga menjadi sebahagian daripada teknik untuk menghidupkan watak dan menghiburkan khalayak. Apabila menyaksikan persembahan, khalayak ternanti-nanti kemunculan babak yang melibatkan watak inang pengasuh Pak Dogol, Wok Long, Wok Yoh, Samat dan Said. Keadaan ini mendorong dalang yang membuat persembahan agar sentiasa memikirkan dialog, isu dan teknik yang menimbulkan rasa humor oleh watak tersebut.

Malahan, ukuran kehebatan, kemampuan dan kesempurnaan sesuatu persembahan banyak dipengaruhi oleh keupayaan dan kemampuan dalang untuk membangkitkan rasa humor khalayak sesuai dengan fungsinya untuk menghiburkan khalayak. Persembahan akan dianggap berjaya sekiranya khalayak terhibur. Antara tokoh dalang terdahulu yang sangat kreatif dan bijak menimbulkan humor dalam persembahan termasuklah Dalang Dollah Rakak dan juga Dalang Pak Su Karim Perindu (Stein, 2007). Tambahan pula, Dalang Dollah Baju Merah mengakui bahawa beliau dan beberapa penonton lain berguling-

guling di pasir (padang persembahan) apabila menonton persembahan kedua-dua orang dalang tersebut kerana persembahannya yang sangat lucu, bersahaja dan menghiburkan (Rentse, 1936). Walau bagaimanapun, persembahan mereka kini sudah tidak lagi relevan dengan selera hiburan masyarakat kini.

Dalam konteks terkini, Dalang Saupi dianggap sebagai pengasas seni persembahan wayang kulit moden kerana persembahannya banyak menampilkan aspek yang berkaitan dengan humor dan mengesampingkan cerita pokok dan rantingnya. Babak humor ditimbulkan dengan cara memanipulasi pelbagai isu semasa dan persekitaran masyarakat seharian sebagai asas penceritaan. Antaranya termasuklah isu mat rempit, keruntuhan moral dalam kalangan muda-mudi, ketagihan rokok, ganja dan dadah, lepak, pondan, ketagihan ketum, bola sepak Piala Malaysia, laga ayam, demam Bollywood dan dangdut, serta pelbagai hal kemasyarakatan dan hiburan semasa (Nik Mohamed, 1986). Malahan, Dalang Saupi turut menerapkan peristiwa semasa yang berlaku di tempat beliau membuat persembahan dalam humornya. Sebagai contoh, Tahun Melawat Malaysia, acara Sukan Komanwel dan juga pilihan raya umum.

Selain itu, beliau juga membina watak humor dengan karektornya yang tersendiri. Watak Samat digambarkan sebagai serba tahu, cerdik dan suka bercakap besar tetapi penakut. Watak Said pula digambarkan sebagai cerdik dan suka mengambil peluang atas kelemahan rakan yang lain. Sementara itu, watak Wok Yoh digambarkan sebagai seorang yang berani tetapi bodoh, tidak tahu membaca dan menulis, serta mudah terpedaya. Perwatakan dalam wayang kulit yang pelbagai ini menyebabkan persembahan wayang kulit Dalang Saupi sangat diminati bukan sahaja dalam kalangan orang tua, tetapi juga menjadi tatapan dan hiburan golongan muda-mudi dan kanak-kanak (Hazim, 1991). Tambahan pula, dengan kecanggihan teknologi terkini, persembahannya boleh didengar dan ditonton melalui aplikasi komputer, cakera padat, dan pita rakaman kaset dan video.

Sehubungan dengan itu, humor akan dilihat dalam konteks yang lebih luas, iaitu segala aspek yang berkaitan dengan bentuk, sifat watak dan isi percakapan atau kandungan teks dialog yang dituturkan oleh watak yang boleh menimbulkan rasa lucu atau geli hati dalam kalangan penonton sehingga menyebabkan mereka menunjukkan reaksi sama ada senyum kambing, senyum simpul, tersengih atau ketawa berdekah-dekah. Selain itu, gaya penyampaian Dalang Saupi juga dianalisis bagi memperlihatkan kekuatan dan kelainan yang dimiliki berbanding dengan dalang lain. Aspek lain yang turut dikaji ialah pemilihan dan penggunaan diksi, frasa kata, ayat dan wacana yang menimbulkan kelucuan kepada khalayak.

UNSUR HUMOR MELALUI KRITIKAN DALAM WATAK DAN PENCERITAAN

Unsur kritikan merupakan elemen yang kerap dibangkitkan atau diperkatakan dengan sengaja oleh watak tertentu. Kritikan tersebut bertujuan membangkitkan kemarahan dan rasa tidak senang hati atau benci kepada watak lain yang terkena kritikan tersebut. Meskipun demikian, situasi tersebut disambut baik oleh khalayak pendengar dan penonton. Situasi seumpama ini wujud dalam persembahan wayang kulit Dalang Saupi. Dalam usaha membangkitkan unsur kritikan, beliau memperlihatkan kecenderungan mengkritik watak lain dari beberapa aspek, antaranya termasuklah:

1. Kritikan aspek fizikal dan rupa paras.
2. Kritikan aspek tingkah laku dan penampilan.
3. Kritikan aspek kegagalan berbahasa secara gramatis.

Kritikan juga merujuk unsur kutukan, cercaan, sindiran, hentaman dan juga herdikan yang dilemparkan oleh watak yang terdiri daripada watak inang pengasuh seperti Pak Dogol, Wok Yoh, Wok Long, Samat dan Said. Dalam hal ini, pihak yang menjadi mangsa kebiasaannya berlaku sesama mereka atau juga semasa watak inang pengasuh berinteraksi dengan watak lain seperti watak Maharaja Serama, Hanuman Kera Putih, Tuan Puteri Sita Dewi dan juga watak antagonis lain. Kutukan dan kritikan tersebut mengundang rasa geli hati, lucu dan terhibur dalam kalangan khalayak apabila menyaksikan persembahan wayang kulit Dalang Saupi.

1. Kritikan Aspek Fizikal dan Rupa Paras

Dalam persembahan wayang kulit Dalang Saupi, unsur kritikan terhadap aspek fizikal merupakan elemen yang paling kerap digunakan bagi menimbulkan perasaan lucu dalam kalangan penonton. Dalam usaha melakukan kritikan terhadap aspek fizikal ini, watak inang pengasuh berlima saling mengenakan antara satu dengan yang lain secara bersilih ganti. Bentuk tubuh badan dan aspek fizikal mereka telah banyak dieksploitasi oleh Dalang Saupi untuk dijadikan bahan kritikan.

Jadual 1 Rupa bentuk fizikal dan sifat peribadi inang pengasuh.

Watak	Rupa Bentuk Fizikal	Sifat Peribadi / Tingkah Laku
Pak Dogol	Berkepala botak, dogol dan berbonjol-bonjol. Berpusat bujal dan terkeluar ke hadapan.	Ketua inang pengasuh yang lain. Mempunyai ilmu kebatinan yang tinggi.

sambungan **Jadual 1.**

Watak	Rupa Bentuk Fizikal	Sifat Peribadi / Tingkah Laku
	Perut sangat buncit sehingga tertonjol ke hadapan. Berpunggung tonggek ke belakang dan menggelebeh ke bawah. Berleher bengkok dan panjang.	Bijak dalam hal membuat pentafsiran dan ramalan. Befikiran panjang. Beringat-ingat. Suka memberikan nasihat kepada rakan-rakannya.
Wok Long	Berperut buncit. Berpunggung tonggek. Sudah tua dan bergigi jarang-jarang. Berhidung kemek dan lebar.	Suka mengenakan orang lain. Suka berpoya-poya dan melepak. Tidak serius untuk menjalankan tugas. Pemalas dan suka berdalih apabila diminta melakukan kerja atau tugas. Lurus bendul dan mudah terpedaya.
Wok Yoh	Paling tua dalam kalangan inang pengasuh. Berleher bengkok dan panjang. Berlidah keras dan telor. Bergigi rongak dan jarang-jarang.	Berani tetapi bodoh. Lurus bendul. Suka berlagak berani tetapi penakut. Suka mengambil tindakan tanpa berfikir panjang. Tidak tahu membaca dan tidak boleh menyebut sesuatu perkataan dengan betul. Mudah terpedaya dan mudah mempercayai kata-kata orang lain.
Samat	Berkulit hitam. Berhidung mancung. Bertubuh kecil dan pendek. Berkepala botak dan berbonjol ke atas.	Suka berlagak serba tahu tetapi dungu. Suka mengutuk dan mengenakan orang lain demi kepentingan diri sendiri. Suka bercakap besar. Penakut tetapi berlagak berani. Suka mengambil kesempatan terhadap kelemahan orang lain. Suka mengambil kesempatan atas kekurangan orang lain. Suka mengenakan orang lain, terutama rakan.

Watak inang pengasuh yang lain juga digambarkan mempunyai sifat fizikal yang tidak sempurna. Oleh sebab itu, melalui cerita yang dikisahkan oleh Dalang Saupi, watak ini saling mengenakan antara satu dengan yang lain dengan pelbagai

perumpamaan dan perbandingan. Kritikan tersebut dibuat dengan sengaja bukan sahaja bertujuan menyakitkan hati watak lain, tetapi juga bertujuan melepaskan kemarahan atau perasaan geram terhadap watak tersebut yang disampaikan secara humor. Berdasarkan data, didapati bahawa Dalang Saupi telah menggunakan sebanyak 18 kali unsur kritikan untuk menimbulkan humor dalam persembahannya.

Melalui kisah *Bunga Andani Bunga Andano (BABA)*, terdapat beberapa unsur kritikan yang menyentuh aspek fizikal. Antaranya termasuklah semasa adegan Wok Long mencari-cari Pak Dogol yang tidak kelihatan sepanjang hari kerana seperti kebiasaan, Pak Dogol dan inang pengasuh yang lain perlu mengadap Maharaja Serama setiap pagi untuk melaksanakan tugas yang akan diamanahkan dan mendengar apa-apa jua masalah yang dihadapi oleh maharaja dan tuan puteri. Oleh sebab terpaksa mencari Pak Dogol di seluruh pelosok kampung tetapi tidak berjumpa, maka Wok Long berasa sangat geram dan menyumpah-nyumpah Pak Dogol yang telah menyusahkannya pada hari itu. Wok Long yang berasa tidak senang dengan sikap Pak Dogol yang memarahinya tanpa usul periksa telah melepaskan geramnya kepada Pak Dogol melalui kutukan terhadap kekurangan bentuk fizikal Pak Dogol seperti yang terdapat dalam petikan babak yang berikut:

<i>Bunga Andani Bunga Andano (1)</i>	
Pak Dogol	: Ini dia ore kaki hero, ore comel. Ore molek. Ore kayo, ore lega ... wang ringgik tak abih nak buat beli, intan belian tak abih nak pakai ... mung gi mano la nyo puta belik mih-mih serupo keling benuo ni ...!
Wok Long	: <i>Oooo ... aloh baso menate Pok Dogol nie dohlah pusak bujil peruk pulok bucik bedoah lalu. Bilolah menate ni nok beranak sebak peruk mung tu aku tengok semakin ari semakin besar, semakin ari semakin bucit ... punggung mung koho lamo koho tonggek, koho rebeh ko belake wei Pok Dogol ...</i>
Pak Dogol	: Bialah Wok Long ... aku ni ibarak kato apah cepedi ... apah tebu di bawoh wokah ... daung kayu selai di tengoh jale. Mung gi royaklah ko Wok Yoh, Said, Samat dan jugok Eteng ... cerito ko dio; jangelah sapo-sapo cepelak muluk. Aku denga kaba anging Maharaja Seramo; dia duduk bermimpi nok jugok kopada bunga andani bunga andano. Kalu sapo-sapo sangguk tok leh gi cari, di situlah dia pacung 4 berkatan 3 ...
Wok Long	: Bilo tu Pok Dogol, Serama mimpi ...?
Pak Dogol	: Dia cerita kepada aku Wok Long ...
Wok Long	: Dok eh ... dio mimpi tu maso dia tok kaba ko <i>menate Pok Dogol palo butuk</i> ...
Pak Dogol	: <i>Menate ni gilo sungguh menate Wok Long ni ...</i> baso diolah mimpi tu tok kaba ...

Dalam babak tersebut, Wok Long yang berasa marah kerana Pak Dogol menuduhnya ponteng kerja telah melepaskan geramnya kembali kepada Pak Dogol. Sifat fizikal Pak Dogol yang sememangnya sangat hodoh dan tidak sempurna telah dijadikan sebagai bahan kutukan oleh Wok Long untuk menyakitkan kembali hati Pak Dogol. Antaranya termasuklah mengutuk bentuk perut Pak Dogol yang berpusat bujil, terkeluar ke hadapan, serta sangat buncit sehingga tertonjol ke hadapan (*dohlah pusak bujil peruk pulok bucik bedoah lalu*). Malahan, untuk menimbulkan lebih kelucuan, kebuncitan perut Pak Dogol dihiperbolakan lagi dengan kutukan yang lebih bersifat bombastik, iaitu dengan berkias bahawa perut Pak Dogol buncit kerana mengandungi Wok Long juga secara menyindir bertanya kepada Pak Dogol bilakah agaknya Pak Dogol akan melahirkan anaknya itu (*Bilolah menate ni nok beranak sebak peruk mung tu aku tengok semakin ari semakin besar, semakin ari semakin bucit*). Dalam masyarakat Melayu, lelaki yang berperut buncit sering kali digambarkan mempunyai daya fikir yang rendah, dungu dan tidak matang, serta sering menjadi bahan gurauan meskipun telah dewasa. Malahan, seseorang yang berperut buncit juga dianggap tidak boleh menjadi ketua atau pemimpin. Apabila Wok Yoh digambarkan berperut buncit, maka sudah tentu dia juga mempunyai sifat dan penampilan yang sama.

2. Kritikan Aspek Tingkah Laku dan Penampilan

Aspek tingkah laku dan penampilan juga banyak dibangkitkan oleh Dalang Saupi sebagai elemen kutukan untuk membangkitkan humor dalam persembahannya. Dari aspek tingkah laku, Dalang Saupi banyak membangkitkan kritikan yang berkaitan dengan sikap inang pengasuh yang suka bercakap banyak tanpa henti, bercakap mengikut apa-apa yang terlintas di fikiran, suka memutarbelitkan fakta atau loyar buruk, suka menyalahkan orang lain, tidak mengaku kesalahan dan kelemahan diri, suka mengenakan orang lain, suka berpelesenan dan melepak, terutama di kedai kopi yang mempunyai para pelayan cantik dan dalam kalangan janda atau “mek Siam”. Selain itu, kritikan juga turut melibatkan watak yang malas bekerja, suka mengambil kesempatan terhadap orang lain, dan malas untuk menjaga kebersihan diri.

Kritikan terhadap isu tersebut dapat dilihat dalam setiap kisah dan cerita yang dipersembahkan oleh wayang kulit Dalang Saupi. Umpamanya, dalam kisah *Bunga Andani Bunga Andano*, unsur kritikan dan serangan terhadap tingkah laku dan penampilan watak lain bermula dalam hal yang berkaitan dengan kelalaian watak inang pengasuh untuk menghadap Maharaja Serama seperti yang dipaparkan dalam dialog tersebut:

<i>Bunga Adani Bunga Andano</i>	
Samat	: <i>Menate Said tok seda kediri tu, aku tau doh dok tunggu keda pelayelah tu ... hanjing mano nok ko dio ... pak limo ari tok mandi sekali. Hah ... tu dio menate hanjing nih ... baso kure haja nih ... baso binggung nih ... tok sekolah nih ... tok seda diri nih ... tok tengok jam puko berapa? Time ngadap raja ... tu gak; akak kapok, kung atah kepala ... bia gelapa preh-preh si'tuh</i>
Said	: Dok eh ... <i>Abe Mat ni gilo ko guano ...</i>
Samat	: Wak lok-lok jah.
Said	: Heaaa ... wak lok-lok selalu. <i>Mano puting kayu nih ... baso bengong ... baso mat belanda tok reti hormak ko ore tuo.....nok katok atah palo Abe Mat nih ...</i>
Samat	: Oooloh ... ore acah jah ... siak dok sungguh gak ...

Melalui dialog tersebut, Samat yang hilang sabar kerana gagal mencari Said di tempat yang sepatutnya dan akibat kejemuan menunggu lama telah melepaskan kemarahannya dengan mengutuk Said. Samat telah menyatakan sememangnya Said ialah jenis manusia yang tidak sedar diri (*Menate Said tok seda kediri tu*). Hal ini dikatakan demikian kerana dia masih mengamalkan perangai lamanya yang suka melepak dan minum-minum di kedai mak janda Siam cantik (*aku tau doh dok tunggu keda pelayelah tu*), sedangkan dia sangat hodoh dan tidak akan diminati atau digilai oleh mana-mana perempuan pun (*hanjing mano nok ko dio pak limo ari tok mandi sekali*). Selain daripada tidak mempunyai rupa paras yang kacak, Said juga dikatakan tidak suka mandi sehingga empat atau lima hari berselang. Untuk meningkatkan kutukan tersebut, Samat telah memanggil Said dengan panggilan anjing (*Hah tu dio menate hanjing nih*). Dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan, panggilan terhadap seseorang dengan kata ganti nama “anjing” merupakan sesuatu yang sangat hina dan menjatuhkan martabat orang yang ditunjukkan kata tersebut. Dalam hal ini Dalang Saupi dengan sengaja menggunakan binatang “anjing” sebagai kutukan terhadap Said yang bodoh dan tidak sedar diri.

3. Kritikan Aspek Kegagalan Berbahasa Secara Gramatis

Kegagalan aspek berbahasa dengan betul juga dijadikan sebagai bahan yang dimanipulasi oleh watak terbabit untuk melakukan kritikan terhadap watak lain. Kebiasaannya, elemen yang berkaitan dengan sebutan yang betul adalah seperti bahasa telor, kidung atau sengau dan juga gagap. Selain itu, kegagalan menggunakan bahasa Melayu, khususnya dalam aspek nahu turut menjadi kritikan kerana dikatakan tidak tahu berbahasa Melayu dengan betul, cenderung menggunakan loghat kedaerahan,

iaitu loghat Kelantan semasa menyebut perkataan dalam bahasa Melayu, dan gagal menyebut perkataan bahasa Inggeris dengan betul.

Daripada keseluruhan data yang telah dideskripsikan, Dalang Saupi telah memanipulasi elemen yang berkaitan dengan aspek kegagalan berbahasa dengan betul sebanyak 11 babak. Umpamanya dalam kisah *Bunga Andani Bunga Andano*, semasa Wok Yoh dan Said dititahkan oleh Maharaja Serama agar keluar mengembara dari negerinya untuk mencari bunga andani bunga andano kerana Maharaja Serama bercita-cita untuk memiliki kedua-dua bunga tersebut selepas bermimpi tentang kecantikan dan keharumannya. Setelah jauh mengembara dan menempuh pelbagai halangan, akhirnya Wok Yoh dan Said telah berjumpa dengan bunga tersebut. Semasa memetikinya, bunga andani dan bunga andano telah bertukar dan menjelma menjadi dua orang puteri yang sangat cantik. Wok Yoh telah jatuh cinta dengan tuan puteri tersebut dan berhasrat untuk memperisterikannya. Semasa melamar puteri menjadi isterinya, ketika itu dikesan kritikan yang berkaitan dengan kekurangan Wok Yoh yang tidak mampu menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan gramatis seperti yang tergambar dalam babak yang berikut:

<i>Bunga Andani Bunga Andano (13)</i>	
Wok Yoh	: Adik tok soh dok rungsing lah adik; soalan tu dok nombor empat belas nok royak bui ... kerana adik, abe rela 'bekelubang' jiwa ...!
PBABA	: Guano ...? Begapo...?
Wok Yoh	: Kerana adik abe rela 'bekelubang' jiwa ...
PBABA	: Weiii ... dio nie ...
Wok Yoh	: Bak po pulok ...?
PBABA	: Ore tok kato 'bekelubang jiwa ...!
Wok Yoh	: Pah tuh ...?
PBABA	: Ore kato 'berkorban jiwa' Cuba sebuk ... semula ...
Wok Yoh	: ... 'bekelubang jiwa...!
PBABA	: Sebuk semula bia betul abe weh ... 'berkorban jiwa' ... Cubo sebuk ... semula ...
Wok Yoh	'bekelubang jiwa ...!
PBABA	: Weiiii berak doh dio nih ... Payoh weh kalu lagu ni ... baso lidah serupo reng kheta api belok nih ...!
Wok Yoh	: Supo tulo jah ... minyak gah dengan <i>minyak bejen</i> , supo tu jah ...!
PBABA	: Buke minyak bejen abe Yoh miyakkk bezen
Wok Yoh	: Miyak bejen ...
PBABA	: Hoooh ahhhh ... Payoh weeh kalu lagu ni ... baso lidah serupo reng kheta api hok belok ...!
PBABA –Puteri Bunga Andani Bunga Andano	

Oleh sebab keinginannya terlalu tinggi untuk memperisteri Puteri Bunga Andani, Wok Yoh menyatakan kesanggupannya untuk melakukan apa-apa sahaja demi memperisteri Puteri Bunga Andani, walaupun berkorban jiwa dan raga. Namun, disebabkan tidak boleh menyebut dengan betul, Wok Yoh menyebut “berkorban jiwa” sebagai “bekelubang jiwa”(... *kerana adik, abe rela ‘bekelubang’ jiwa ..!*). Akibat kecacatan aspek berbahasa, sebutan Wok Yoh tidak boleh dibetulkan, meskipun telah dibetulkan beberapa kali. Wok Yoh masih menyebut “bekelubang jiwa” secara berulang kali. Malahan, untuk menambah ciri humor dalam dialog, Wok Yoh menyebut minyak gas (minyak tanah) sebagai “minyak bejen” kerana minyak tanah disebut “minyak bezen” oleh orang Kelantan.

Dalam konteks ini, Wok Yoh yang menghadapi masalah sebutan kerana berlidah keras menyebut “minyak bezen”, sebagai menyebut “minyak bejen” walaupun dibetulkan beberapa kali oleh Puteri Bunga Andani. Unsur kritikan timbul apabila Puteri Bunga Andani berputus asa kerana gagal membetulkan cara penyebutan Wok Yoh. Kekerasan lidah Wok Yoh disamakan dengan landasan kereta api yang bengkok bengkok dan tidak boleh dibetulkan lagi (*baso lidah serupo reng kheta api hok belok*). Situasi ini telah berjaya menimbulkan kelucuan dalam kalangan penonton yang berasa geli hati dengan kecacatan Wok Yoh sehingga Puteri Bunga Andani menyamakan lidah Wok Yoh dengan landasan kereta api yang bengkok-bengkok.

UNSUR HUMOR MELALUI KEJANGGALAN TINGKAH LAKU WATAK

Dalam kisah *Bunga Andani Bunga Andano (BABA)*, unsur kejanggalan banyak ditimbulkan bagi membangkitkan kejenakaan dalam penceritaan. Umpamanya, dalam episod Wok Yoh dan Said yang berasakan dirinya dikhianati oleh Samat. Mereka berasakan bahawa Samat telah mengkhianati mereka dengan cara memburukkan mereka di hadapan Tuan Puteri Siti Dewi sehingga tuan puteri membenci Wok Yoh dan Said dan pada waktu yang sama, tuan puteri dilihat semakin sayang dan rapat dengan Samat. Keadaan ini menyebabkan Wok Yoh dan Said berasa tidak puas hati dengan cara tuan puteri melayan mereka. Oleh itu, setelah berbincang sebab tuan puteri bersikap sedemikian, maka mereka mengambil keputusan untuk mencungkil rahsia daripada Samat untuk mengetahui punca situasi tersebut berlaku. Untuk mengetahui punca Tuan Puteri Siti Dewi sangat sukakan Samat, mereka telah berpakat untuk menyamar diri sebagai radio yang akan dijual kepada Samat. Dalam dialog tersebut dapat dikesan unsur kejanggalan yang berlaku seperti petikan yang berikut:

Bunga Andani Bunga Andano (4)

- Wok Yoh : Aku ning nok jual radio ko mung Samat ...
- Samat : Hahhhh ... jual ko akulah Yoh ... berapa mung nok?
- Wok Yoh : Gini Mat ... kiro seribu lah ...!
- Samat : Haaaaahhhh ... Seribu mahal Yoh, bare lamo nih ...!
- Wok Yoh : Hoooodoh ... mung nok berapa Yoh? Aku dengan adik beradik, tok kiro mano.... Tamboh pulok hok aku saye sekali nih ...
- Samat : ***Lagu mano kalu mung bui ko aku seribu tigo ratuh ... boleh ko...?***
- Wok Yoh : ***Aih ... nyo nok tawar koho muroh menasia nih ... tok leh doh la abe mat weh.... bare baik nih Mat ... buke bare sie ... buka bare golok ...***
- Samat : Mitak lah Abe Yoh weh ... kata samo woreh ... kalu gituh ... mitak sikik lagi
- Wok Yoh : Berapoh
- Samat : ***Seribu limo ratuh lah ...***
- Wok Yoh : ***Rugi parok tuh weh ... tok balik moda lagu tuh.... Ginilah ... kiro sekak lape ratuh jah abe Mat lebih pado tuh ambo tok leh bui lah ...***
- Samat : Kalu gituh jadi selalulah ... baso menate ore sekolah tinggi politik tinggi ni utung sokmo benego nih
-

Melalui perbualan antara Wok Yoh dengan Samat, dapat dilihat unsur kejanggalan yang diketengahkan oleh Dalang Saupi dalam penceritaannya. Unsur kejanggalan tersebut dapat dikesan dengan jelas melalui sikap dan perbualan kedua-dua watak semasa proses tawar-menawar untuk menjual dan membeli radio. Kedua-dua watak tersebut diperlihatkan oleh Dalang Saupi sebagai watak yang tidak tahu tentang nilai wang dan juga keuntungan sebenar. Hal ini terbukti apabila mereka saling tawar-menawar harga radio yang hendak dijual oleh Wok Yoh.

Situasi ini memperlihatkan kejanggalan kerana biasanya dalam proses tawar-menawar, seseorang yang hendak membeli sesuatu barangan pastinya meminta agar harganya diturunkan lebih rendah daripada harga yang telah ditetapkan. Keadaan ini berbeza daripada tindakan Samat yang meminta agar radio tersebut dijual dengan harga RM1300, sedangkan harga yang hendak dijual kepadanya jauh lebih murah, iaitu RM1000 sahaja.

Unsur kejanggalan tingkah laku kedua-dua watak tersebut dapat dilihat apabila mereka diminta untuk mengikut apa-apa sahaja perkataan yang disebut oleh Dato Ajar Dasolango Tua sebagai permulaan untuk menuntut ilmu (*Hohhhh ... mung pulok nyoh, mari nok menuntut ilmu, mung ikuk apo aku baco boleh...?*). Wok Yoh yang bersifat lurus bendul telah mengikut apa-apa sahaja percakapan atau dialog

yang dituturkan oleh Dato Ajar Dasolango Tua, termasuklah apabila Dato Ajar Dasolango Tua memberitahu perkara yang perlu dilakukan oleh mereka berdua, iaitu (...*Dengar dan ikut boleh hok aku sebuk. Kalu tok turut tok boleh...!* Dan juga ... *Huh ... huhhhh ... apo bilo ilmu nenek ajar, kena dengar moleklah ... kena jugaklah cucu ikut nenek...!*)

Dalam situasi tersebut, Dalang Saupi telah menonjolkan unsur kejanggalan melalui sikap dan perwatakan Wok Yoh yang tidak tahu membezakan antara bahasa arahan, tunjuk ajar dan bahasa yang menunjukkan kemarahan. Oleh sebab tidak dapat membezakan ayat dan kata-kata yang dilafazkan semasa menuntut ilmu, Said telah dipukul oleh Dato Ajar Dasolango dengan tongkat beberapa kali. Situasi kejanggalan ini telah menimbulkan kelucuan dalam kalangan khalayak penonton yang pastinya berasa terhibur dengan kedunguan dan sifat lurus bendul Wok Yoh dan Said berhasrat menuntut ilmu kebatinan itu. Situasi lucu terhibur dan ini telah membangkitkan humor dalam kalangan khalayak yang menyaksikannya.

Penggunaan unsur kejanggalan dalam persembahan wayang kulit Dalang Saupi dapat dilihat semasa Wok Yoh ingin mengahwinkan Said dengan Puteri Bunga Andani. Melalui kisah *Bunga Andani Bunga Andano*, Wok Yoh dan Said yang pergi mengembara mencari bunga andani dan bunga andano, telah menemui bunga tersebut dengan bantuan Jin Mok Rimau Gruk Grak Torgangga. Semasa mereka berjaya mendapatkan bunga andani dan juga bunga andano, kedua-dua bunga tersebut telah bertukar menjadi tuan puteri yang sangat jelita, iaitu Tuan Puteri Bunga Andani dan juga Tuan Puteri Bunga Andano. Tuan Puteri Bunga Andani telah diambil oleh Wok Yoh sebagai isteri, manakala Said pula telah berhasrat untuk menjadikan Tuan Puteri Bunga Andani sebagai isterinya. Sebagai persediaan untuk berkahwin dengan Tuan puteri tersebut, maka Said telah berjumpa Wok Yoh untuk belajar cara menjawab akad nikah.

Unsur kejanggalan timbul apabila Wok Yoh bersetuju untuk menikahkan Said dengan Puteri Bunga Andani dan telah mengajar Said cara untuk menjawab akad nikah tersebut seperti yang tergambar dalam petikan yang berikut:

Naga Emas Geliga Sakti

Wok Yoh	:	Said ... Said ... Wan Rozak wei ...
Said	:	Cih ... begapo dioh ... malu kok ore nih ...
Wok Yoh	:	Mari ... mung kena menikah dengan tuan puteri nih ... mung pandai jawab nikah? Bia aku jong nikah ... mung turut aku ... gapo aku kato ... mung ikuk sebute-sebute ... boleh?

Naga Emas Geliga Sakti

- Said : Aku nih dengan pok sedara, turut semace. Hok sedak pulok tuh heee ... heee....hoh, lagu mano?
- Wok Yoh : *Hok aku kata ... mung kena ikuk deh ...*
- Said : *Hok aku kata ... mung kena ikuk deh ...*
- Wok Yoh : *Heh ... jange ikuk lagi ...*
- Said : *Heh ... jange ikuk lagi ...*
- Wok Yoh : *Mung gak Saik....pade pung tok pah joh tigo dulu ... baso bengong...!*
- Said : *Mung gak Saik....pade pung tok pah joh tigo dulu ... baso bengong...!*
-
- Wok Yoh : *'berkahwin las aku nikos ... huh, kato...!*
- Said : *'berkahwin las aku nikos...!*
- Wok Yoh : *'berwokil woli pok mung pok aku ...*
- Said : *'berwokil woli pok mung pok aku ...*
- Wok Yoh : *'woa mung woa aku ... belanjanyo tekek serial budok, duo rial ore tuo ... soh!*
- Said : 'woa mung woa aku ... belanjanyo toket serial budok, duo rial ore tuo ... Soh. Hehhh ... ilmu mari duwano ni....mudah menikoh. Tok apolah ... asal boleh bare sedak jah...!

Dalam situasi tersebut, Said yang tidak tahu cara untuk menjawab “nikah” telah diajar oleh Wok Yoh tentang hal tersebut. Said diminta untuk mengikut apa-apa sahaja kata-kata dan arahan daripada Wok Yoh agar apabila Pak Imam datang untuk menikahkan Said dengan tuan puteri tersebut, Said akan dapat melafazkannya dengan lancar dan betul. Apabila diminta mengikut apa-apa sahaja yang diajar oleh Wok Yoh (... *mung kena menikah dengan tuan puteri nih ... mung pandai jawak nikah? Bia Aku jong nikah ... mung turut aku ... gapo aku kato ... mung ikuk sebute-sebute ... boleh?*), maka Said yang bersifat lurus bendul telah mengikut apa-apa sahaja kata-kata Wok Yoh, termasuk apabila Wok Yoh meminta supaya Said mengikut apa yang akan dikatakannya nanti. Dalam hal ini, Said telah menampilkan unsur kejanggalan apabila telah mengikut apa-apa sahaja yang dikatakan oleh Wok Yoh, termasuk apabila Wok Yoh memberikan arahan (... *Hok aku kata ... mung kena ikuk deh ...*) dan juga menyatakan kedunguan atau sifat lurus bendul Said (... *Mung gak Saik.... pade pung tok pah joh tigo dulu ... baso bengong...!*). Situasi ini memperlihatkan unsur kejanggalan kerana Said tidak dapat membezakan antara lafaz nikah dengan kata arahan oleh Wok Yoh. Malahan, Said terus mengikut apa-apa sahaja yang dikatakan oleh Wok Yoh walaupun Wok Yoh memarahinya.

Dalam peristiwa tersebut juga, unsur kejanggalan turut ditonjolkan oleh Dalang Saupi apabila beliau mengeksploitasi sifat menunjuk pandai yang dimiliki oleh Wok Yoh dalam hal nikah kahwin. Wok Yoh sememangnya seorang tua yang sangat jahil agama dan tidak tahu hal yang berkaitan dengan nikah kahwin. Hal ini terbukti menerusi cara dia mengajar Said melafazkan akad nikah yang bertentangan dengan lafaz nikah yang sepatutnya mengikut syariat Islam. Bagi menunjukkan pengetahuannya dalam hal nikah kahwin, Wok Yoh telah menggunakan bahasa yang diciptanya untuk melafazkan nikah yang sememangnya amat berbeza daripada lafaz yang sebenarnya. Said pula yang bersifat lurus bendul hanya mengikut apa-apa sahaja yang diajarkan oleh Wok Yoh tanpa merasakan kata-kata tersebut pelik atau janggal. Situasi yang janggal ini membangkitkan unsur humor dalam kalangan khalayak yang menyaksikan persembahan tersebut.

UNSUR HUMOR MELALUI KEANEHAN TINGKAH LAKU WATAK DAN PENCERITAAN

Analisis mendapati unsur ini digunakan oleh Dalang Saufi dalam persembahannya sebanyak 25 kali. Umpamanya dalam persembahan BABA (5), unsur keanehan dapat dilihat semasa Pak Dogol berjumpa dengan Wok Long dan menyampaikan berita tentang Maharaja Serama telah bermimpi berjumpa dengan dua orang tuan puteri yang sangat jelita. Kedua-dua puteri tersebut dilihat oleh Maharaja Serama sebagai jelmaan bunga andani dan bunga andano. Apabila tersedar daripada mimpi, Maharaja Serama sangat teringin untuk berjumpa dan memiliki puteri tersebut. Oleh sebab itu, baginda telah menceritakan mimpinya itu kepada Pak Dogol. Baginda juga meminta agar Pak Dogol, inang pengasuh dan seluruh rakyat jelata segera mencari bunga tersebut. Jika bunga tersebut tidak dijumpai, rakyat jelatanya akan dipancung, termasuk Pak Dogol dan Wok Long. Apabila mendengar kata-kata tersebut, Pak Dogol sangat bimbang dan segera menyampaikan berita tersebut kepada Wok Long. Unsur keanehan dalam peristiwa tersebut berlaku apabila Wok Long bertanya kepada Pak Dogol tentang mimpi Maharaja Serama tersebut seperti yang tergambar melalui dialog yang berikut:

<i>Bunga Andani Bunga Andano (5)</i>	
Pak Dogol	: Bialah Wok Long ... aku ni ibarat kato apah cepedi, apah tebu di bawah wokah ... daun kayu selai di tengah jalan. Mung gi royaklah ko Wok Yoh, Said, Samat dan jugak Eteng ... cerito ko dio; jangelah sapo-sapo cepelak muluk. <i>Aku denga kaba anging Maharaja Serama; dia duduk bermimpi nok jugak kepada bunga andani bunga andano. Kalu sapo-sapo sangguk tok leh gi cari, di situlah dia pacung 4 berkatan 3 ...</i>
Wok Long	: Bilo tu Pok Dogol, Serama mimpi ...?

Bunga Andani Bunga Andano (5)

Pak Dogol	:	Dia cerita kepada aku Wok Long ...
Wok Long	:	Dok eh ... <i>dio mimpi tu maso dia tok kaba ... ko masa maso mato dio dok lik lak ... lik lak ... Pok Dogol ...</i>
Pak Dogol	:	Menate ni gilo sungguh menate wok long ni ... baso diolah mimpi tu tok kaba ...

Melalui dialog tersebut, unsur keanehan timbul apabila Pak Dogol bercerita kepada Wok Yoh tentang Maharaja Serama yang telah bermimpi untuk mendapatkan bunga andani bunga andano. Dalam keadaan Pak Dogol yang begitu bersungguh-sungguh menyampaikan berita tersebut (... *Aku denga kaba anging Maharaja Serama; dia duduk bermimpi nok jugak kepada bunga andani bunga andano. Kalu sapo-sapo sangguk tok leh gi cari, di situlah dia pacung 4 berkatan 3...*), Wok Long telah bertanya dan meminta kepastian adakah Maharaja Serama bermimpi semasa dia sedang tidur atau ketika dia sedang dalam keadaan jaga (*Dok eh ... dio mimpi tu maso dia tok kaba ... ko masa maso mato dio dok lik lak ... lik lak...Pok Dogol.....*). Pertanyaan dan perlakuan yang ditunjukkan oleh Wok Long menggambarkan unsur keanehan yang ditimbulkan oleh Dalang Saupi. Keanehan ini ketara apabila Wok Long memperlihatkan sikap peliknya kerana tidak dapat membezakan seseorang yang sedang bermimpi sama ada berada dalam keadaan sedar ataupun sedang tidur lena. Dalam situasi biasa, seseorang yang berfikiran normal pastinya mengetahui hanya orang yang tidur lena boleh bermimpi.

Unsur keganjilan terhadap tingkah laku Samat dapat dilihat apabila dia berasa sangat musykil dan pelik apabila Maharaja Serama menjatuhkan hukuman bunuh kepada sesiapa yang gagal mendapatkan bunga andani bunga andano yang dikehendaknya. Unsur keganjilan tersebut dipaparkan dalam dialog yang berikut:

Bunga Andani Bunga Andano (6)

Samat	:	Abe Yoh tau dok Maharaja Seramo lo nih ...
Wok Yoh	:	Tau begapo ...
Samat	:	Ku Seramo dok tengoh mimpi ...
Wok Yoh	:	Dok tengoh mimpi ...
Samat	:	Yooo ... lah dok tengoh mimpi ...
Wok Yoh	:	Mimpi apo namo...?
Samat	:	<i>Mimpi dia dok nok ko bunga andani bunga andano ... hari tuh dio bunyi kato; dio nok tanyo rakyak, sangguk ko gi cari ... dia nok wei adioh; kalu rakyak sangguk tok gi cari ... dia nok wei bunoh ...</i>

Bunga Andani Bunga Andano (6)

Wok Yoh	:	Bunuh...?
Wok Yoh	:	Bunuh lagu mano?
Samat	:	<i>Tu lah ambo dok pelik ... pesen bunoh tok nyawo ... tok napok pun sok sah ... sok sah....</i>
Wok Yoh	:	<i>Haaa ... yak napok anak sedaro kero nih; sapo dio yang mati nyo nyawo? Lepah tu lagu mano...?</i>
Samat	:	<i>Yo ko abe weh ... la ... pah tok nyawo tu matilah ... tak tau ambo. Pah lagu mano....</i>
Wok Yoh	:	Malah aku nok laye ore tok cerdas nih ... Kalu gitu, gi selaluh lah....

Keganjilan dapat dilihat dengan jelas apabila Wok Yoh menjadi kebingungan kerana apabila sesiapa yang dibunuh oleh Maharaja Serama, maka orang tersebut tidak akan bernyawa lagi dan tidak bergerak. Wok Yoh yang mendengar keluhan Samat menjadi marah kerana semua orang sepatutnya tahu bahawa setiap yang mati tidak akan bernyawa lagi.

Tingkah laku ganjil juga dapat dilihat semasa Wok Yoh dan Said sedang berbincang tentang jurai keturunan mereka sekeluarga seperti dalam dialog yang berikut:

Bunga Andani Bunga Andano (7)

Wok Yoh	:	<i>Tok apolah Said. Mung ni anak sedara aku betul benar nok royak bui ... anak sedaro pulak tu ... hok balik pok ... pok pulok pelik ... pok mung jate. Mok mung pulok tino ... mok mung tu kakak aku ... tetulah aku nie lebih tua daripada diao ...</i>
Said	:	Weiiii...menate nih bengong bedooh lalu....

Dalam dialog tersebut, Wak Yoh mempamerkan unsur keganjilan apabila menyatakan bahawa Said merupakan anak saudara beliau daripada sebelah bapanya. (... *Mung ni anak sedara aku betul benar nok royak bui ... anak sedaro pulak tu ... hok balik pok ...*). Dialog tersebut jelas menunjukkan situasi yang sangat ganjil dan tidak sepatutnya berlaku dalam kehidupan manusia normal yang berkeluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang mempunyai ikatan tali persaudaraan pada peringkat anak saudara mestilah di sebelah anak kepada adik atau abang, tetapi bukan anak kepada bapa. Jika anak kepada bapa, sudah pasti hubungan yang wujud ialah adik-beradik. Selain itu, Wok Yoh turut memberitahu bahawa ibu Said ialah

kakaknya. Maka, sudah tentu umur ibu Said lebih muda daripada dirinya (... *mok mung tu kakak aku ... tetulah aku nie lebih tua daripada dio ...*). Selain itu, Wok Yoh turut menjelaskan bahawa bapanya ialah lelaki, manakala ibunya pula ialah perempuan (... *pok pulok pelik ... pok mung jate. Mok mung pulok tino ...*). Dalam hal ini, Dalang Saupi secara sengaja telah menimbulkan unsur pelik terhadap watak Wok Yoh kerana rutinnya, jantina ibu dan bapa seseorang tidak perlu lagi diperjelas. Pihak bapa sudah tentu lelaki dan ibu pula sudah tentu perempuan. Unsur pelik ini telah berjaya membangkitkan humor dan kelucuan dalam kalangan khalayak yang menyaksikan persembahan wayang kulit Dalang Saupi.

Di samping itu, beliau telah memperlihatkan kecenderungan mengkritik aspek fizikal dan rupa paras, hal yang berkaitan seperti berperut buncit, berpunggung tonggek, berpusat bujil, dan sebagainya. Dari aspek tingkah laku dan penampilan, Dalang Saupi banyak membangkitkan kritikan yang berkaitan dengan sikap inang pengasuh yang suka bercakap banyak tanpa henti, bercakap mengikut apa-apa yang terlintas pada fikiran, suka memutarbelitkan fakta atau loyar buruk, suka menyalahkan orang lain, tidak mahu mengaku kesalahan dan kelemahan diri, suka mengenakan orang lain, suka berpeleseran dan melepak, terutama di kedai kopi yang mempunyai pelayan cantik dan dalam kalangan mak janda atau “mek Siam”. Selain itu, kritikan juga melibatkan watak yang malas bekerja, suka mengambil kesempatan terhadap orang lain, malas untuk menjaga kebersihan diri, dan sebagainya.

Aspek kegagalan berbahasa secara gramatis juga dijadikan sebagai bahan untuk dimanipulasi oleh watak terbabit untuk melakukan kritikan terhadap watak lain. Kebiasaannya elemen yang berkaitan dengan aspek kegagalan menyebut perkataan dengan sebutan dan bunyi yang betul adalah seperti bahasa telor, sengau dan juga gagap. Selain itu, kegagalan aspek berbahasa dan nahu juga turut menjadi asas kritikan seperti tidak tahu berbahasa Melayu dengan betul, menggunakan bahasa asing seperti bahasa Inggeris dengan sebutan yang salah, dan kecenderungan menggunakan loghat daerah, iaitu loghat Kelantan semasa menyebut perkataan dalam bahasa Melayu.

Selain itu, unsur humor turut dibangkitkan melalui aspek yang berkaitan dengan kejanggalan, keanehan dan kejutan. Kecenderungan watak melakukan sesuatu yang janggal adalah disebutkan oleh lemahnya daya fikir berbanding dengan watak normal lain. Kebiasaannya, watak yang dungu mudah melakukan perkara yang tidak munasabah, tidak masuk akal, canggung, dan aksi yang janggal sehingga menyebabkan watak tersebut menyalahafsirkan sesuatu tindakan atau keadaan. Dalam persembahan wayang kulit Dalang Saupi, beberapa watak yang sering memperlihatkan perlakuan dan tindakan yang bersifat janggal, antaranya termasuklah Wok Long, Said dan Wok Yoh. Dalam ketiga-tiga kisah wayang kulitnya, Dalang Saupi telah menggunakan sebanyak 13 kali unsur kejanggalan dalam penceritaan.

Penggunaan unsur kejanggalan ini didapati telah berjaya membangkitkan unsur humor dalam persembahan wayang kulit Kelantan.

Unsur keanehan juga telah dijalin oleh Dalang Saupi melalui watak inang pengasuh untuk menimbulkan humor dalam kalangan khalayak. Unsur ini telah digunakan oleh Dalang Saupi dalam persembahannya sebanyak 25 kali. Dalam setiap episod cerita yang diperdengarkan oleh Dalang Saupi ketika persembahan wayang kulitnya, watak sampingan yang menimbulkan kelucuan atau kejenakaan ini ditonjolkan melalui pemaparan unsur keanehan oleh Wok Long, Samat dan Said. Melalui peranan watak tersebut, humor dibangkitkan apabila watak tersebut melakukan tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh orang lain dalam keadaan yang normal. Selain itu, keanehan juga ditunjukkan apabila sesuatu kejadian atau peristiwa tertentu tidak sepatutnya berlaku. Dalang Saupi juga telah menggunakan unsur kejutan bagi membangkitkan humor. Dalang Saupi juga telah berjaya memanipulasikan pelbagai isu dan situasi, serta mencipta dialog daripada aksi yang membuatkan khalayak ternanti-nanti akan kesudahan cerita yang dipersembahkan.

UNSUR HUMOR MELALUI KEJUTAN DALAM PENCERITAAN

Dalam persembahan wayang kulit Dalang Saupi, unsur kejutan banyak digunakan untuk membangkitkan humor dalam kalangan khalayak penonton. Kebiasaannya, dalam sesuatu babak, unsur kejutan tidak boleh dijangka sehingga ke saat-saat akhir penceritaan. Keadaan ini bertujuan menimbulkan suasana cemas, ingin tahu dan juga perasaan teka-teki dalam kalangan khalayak. Secara keseluruhannya, sebanyak 17 unsur kejutan telah digunakan oleh Dalang Saupi dalam penceritaannya.

Melalui kisah *Hikayat Bota Emas Waja Wana* (HBEWW), antara unsur kejutan yang digunakan oleh Dalang Saupi ialah ketika Said berjumpa dengan Wok Yoh setelah lama mereka tidak berjumpa. Wok Yoh pada masa itu baru sahaja balik daripada melancong di Bandar raya Kuala Lumpur. Semasa berjumpa, Wok Yoh telah bercerita kepada Said tentang pelbagai pengalamannya semasa bersiar-siar di Kuala Lumpur. Unsur kejutan timbul semasa dia bercerita kepada Said tentang satu peristiwa yang dilihatkan, yang dianggap sebagai amat memalukan, iaitu:

<i>Hikayat Jembalang Bota Emas Waja Wana</i>	
Wok Yoh	Hari nih aku tok seko lah Said weih ... maso aku dok <i>round</i> dalam Kala
	: Lupo nih...!
Samat	: Aiiiiieehhh ... royak molek Wok Yoh ...
Wok Yoh	: Samat bersungguh selaluh ...

Hikayat Jembalang Bota Emas Waja Wana

Said	:	Begapo dioh Abe Yoh?
Wok Yoh	:	Maso dok atah bah, aku kelih demo dok main ngorak hari nih ...
Said	:	Main ngorak di mano abe Yoh...? Tobak aku tok cayo nih ... aiehhh, panda gi tengok ore ngorak. Gi palo geretak pun sesak tok leh nok balik Istana Budaya ...
Samat	:	Pah tuh ... ngorak di mana?
Wok Yoh	:	Hok ore perempuan dok riba ore lelaki ...
Said	:	Aaaa ... tok cayo nih aku nih ... tok menasabah ... jatuh imej Malaysia nih kalu riba tepak ramai nih...!
Wok Yoh	:	Sungguh Said, Samat. Aku tenguk betul benar kat stesyen bas tadi....
Said	:	Lagu mano...? Sedak weih ... sedak weih ... lagu mano gak...?
Wok Yoh	:	Mula-mulo hok jate tengok ko hok tino; napok masem jah ... dio pung ambik palo hok laki, dio pun ribo selaluh...
Said	:	Haaaahhh ... tu dio! Pah tuh ... pah tuh...?
Wok Yoh	:	Pah tuh ... hok puan pun buang kacing baju kat tekok ...
Samat	:	Wok Yoh...aku tok cayo nih; munasabah...! Jatuh imej kito Malaysia nih. Pah tuh ... sedak nih...!
Wok Yoh	:	Pah tuh ... dio pung hulur susu dio ko hok jate tuh ...
Said	:	Hah ... tu dio...! Tobak ambo tok cayo!
Wok Yoh	:	Dengarlah dulu ... buke nyapong nih ... pah tuh hok laki pung hisak susu hok tino...!
Samat	:	Hahhhhh...jatuh imej Malaysia. Hok puan umur berapa agok-agok...?
Wok Yoh	:	Kalu tidak umur 37, adolah dale 38 ...
Samat	:	Samo tua dengan hok sulung aku ... hok jate pulok...?
Wok Yoh	:	Hok laki ... kalu tok umur 4 bule ... dia umur 5 bule...!
Said	:	Hah ... tu dio! Menate nih baso bengong ... baso palo mereng ... baso sekolah joh tigo jah ... wak saspem aku jah ... Wei Abe Yoh ... nyo ribo senggotilah ... mok dio wei susu ko anak dia tuh!

Melalui perbualan antara mereka, ternyata unsur kejutan telah ditimbulkan oleh Wok Yoh apabila dia menceritakan perlakuan yang ditafsirkan sebagai tidak senonoh oleh dua orang yang dijumpainya di dalam bas di Kuala Lumpur. Menurut Wok Yoh, semasa dia menaiki bas untuk bersiar-siar di Kuala Lumpur, dia telah melihat seorang lelaki dan seorang perempuan sedang mengorot (... *Maso dok atah bah, ku kelih demo dok main ngorak hari nih ...*) Said yang teruja dengan cerita tersebut telah bertanya tentang cara kedua-dua pasangan tersebut mengorot. Dia sangat terkejut dan tidak percaya dengan perkara yang dikatakan oleh Wok Yoh. (... *Main ngorak di mano abe Yoh...?*

Tobak aku tok cayo nih ... aiehhh, panda gi tengok ore ngorak). Oleh sebab didesak oleh Said yang tidak sabar untuk mengetahui perkara yang berlaku, Wok Yoh telah menceritakan keadaan perempuan yang duduk dalam keadaan meriba si lelaki (... *Mula-mulo hok jate tengok ko hok tino; napok masem jah ... dio pung ambik palo hok laki, dio pun ribo selaluh*). Perempuan itu kemudiannya telah membuka butang bajunya dan mengeluarkan punting susunya dan menyuapnya kepada lelaki berkenaan (... *Pah tuh ... dio pung hulur susu dio ko hok jate tuh ...*). Lelaki tersebut kemudiannya telah menghisap "punting susu" si perempuan tadi (... *pah tuh hok laki pung hisak susu hok tino...!*). Said dan Samat berasa sangat terkejut dengan cerita Wok Yoh dan menganggapnya sebagai perbuatan yang sangat memalukan orang Melayu, dan seluruh rakyat Malaysia. Mereka sangat marah dengan tindakan lelaki dan perempuan dalam cerita tersebut. Unsur kejutan timbul apabila Samat bertanya berapakah umur si lelaki dan si perempuan berkenaan. Wok Yoh menjelaskan bahawa si perempuan tersebut berumur dalam lingkungan 37 tahun ataupun 38 tahun (...*Kalu tidak umur 37, adolah dale 38...*), manakala si lelaki itu pula berumur dalam lingkungan lima bulan sahaja (... *Hok laki ... kalu tok umur 4 bule ... dia umur 5 bule ...!*).

Dalam keadaan ini, unsur kejutan timbul kerana melalui cara Wok Yoh menceritakan peristiwa tersebut seolah-olah mereka merupakan pasangan kekasih yang sedang melakukan maksiat di dalam bas. Said dan Samat pula begitu teruja untuk mengetahui perkembangan cerita tersebut yang dianggap sebagai perlakuan dan tindakan yang sangat memalukan. Unsur kejutan jelas tergambar apabila Said dan Samat mengetahui bahawa pasangan tersebut sebenarnya ialah ibu yang sedang menyusukan anaknya yang baru berusia lima bulan. Kemarahan Said dan Samat kepada pasangan wanita dan lelaki itu kemudiannya telah bertukar kepada kemarahan terhadap kebodohan Wok Yoh yang tidak dapat membezakan antara pasangan kekasih atau pasangan anak-beranak (... *Hah ... tu dio menate nih baso bengong ... baso palo mereng ... baso sekolah joh tigo jah ... wak saspem aku jah ... Wei Abe Yoh ... nyo ribo senggotilah ... mok dio wei susu ko anak dia tuh....!*) Unsur kejutan yang telah ditimbulkan oleh Dalang Saupi melalui babak tersebut juga ternyata telah berjaya menimbulkan situasi humor kepada para penonton yang menyaksikan cerita tersebut. Pada peringkat awalnya, para penonton berasa sangat teruja dan ternanti-nanti untuk mengetahui kesudahan cerita tersebut, tetapi kemudiannya telah bertukar menjadi kelucuan dengan kebodohan dan kedunguan Wok Yoh yang tidak dapat membezakan antara pasangan kekasih dengan pasangan ibu dan anak.

Unsur kejutan seterusnya yang turut dipaparkan oleh Dalang Saupi dalam persembahan adalah dengan melalui peristiwa Said mengenakan Wok Yoh. Peristiwa ini bermula apabila Said berasa marah kerana dia dipukul dengan tongkat sakti oleh Puteri Siti Dewi semasa menghadap baginda. Oleh sebab marah dengan situasi tersebut,

dia telah berhasrat untuk mengenakan Wok Yoh yang dikatakan selalu bersifat lurus bendul dan mudah terpedaya. Bertitik tolak daripada itu, Said telah menemui Wok Yoh dalam keadaan menangis teresak-esak. Peristiwa tersebut seperti digambarkan dalam petikan yang berikut:

<i>Hikayat Jembalang Bota Emas Waja Wana</i>	
Wok Yoh	: <i>Guano Said ... tubik air mato bederai-derai nih ... Sekalo tok begini moooo...!</i>
Said	: Abe Yoh tok tau lagi Abe Yoh ...?
Wok Yoh	: Tau apo kenamo ...?
Said	: <i>Baiklah Cik Siti Dewi ... dio wei mi goreng ko ambo sepinggan ...</i>
Wok Yoh	: Lagu mano ...?
Said	: <i>Mi goreng! Dia wei pulok pedah ... ambo tok leh pedah sokmo, tu yang tubik air mato bedera-dera tuh ...</i>
Wok Yoh	: Tok kan mung bui, aku tok leh ... ado lagi ko mee tu Said...?
Said	: <i>Ado lagi tiga pinggan nuh ... bunyi kato nok bui ko Abe Yoh dengan Abe Mat, gitulah ...!</i>
Wok Yoh	: Hah ... deng ore saye gak, nyo ingat ko kito. Nyo taroh pulok tigo b'ukuh ... kelah ke tuh ...

Wok Yoh yang berasa terkejut dengan keadaan Said yang menangis teresak-esak itu terus bertanya mengapakah berkeadaan sedemikian. Said memberitahu bahawa Wok Yoh sebenarnya bukan menangis, tetapi air matanya mengalir keluar kerana dia tidak dapat menahan kepedasan mi goreng yang telah diberikan oleh Tuan Puteri Siti Dewi. Wok Yoh yang mendapat tahu Said mendapat mi goreng daripada Tuan Puteri Siti Dewi berasakan bahawa dia juga sepatutnya mendapat mi (... *Mi goreng! Dia wei pulok pedah ... ambo tok leh pedah sokmo, tu yang tubik air mato bedera-dera tuh ...*). Said seterusnya telah meminta supaya Wok Yoh segera berjumpa dengan Tuan Puteri kerana baginda masih menyimpan tiga pinggan mi untuk diberikan kepada Wok Yoh (*Ado lagi tiga pinggan nuh ... bunyi kato nok bui ko Abe Yoh dengan Abe Mat, gitulah ...!*). Mendengar akan kata-kata Said itu, Wok Yoh berasa sangat gembira dan mengangggap Tuan Puteri Siti Dewi sangat sayang akan dirinya. Dia juga sempat bercakap besar dengan mengatakan bahawa sememangnya puteri menyayanginya kerana sanggup memberikan tiga bungkus mi goreng (... *Hah ... deng ore saye gak, nyo ingat ko kito. Nyo taroh pulok tigo b'ukuh ... kelah ke tuh ...*)

Daripada perbualan tersebut dapat ditafsirkan bahawa Said telah cuba untuk mengenakan Wok Yoh dengan muslihatnya itu. Wok Yoh pula yang terus mempercayai kata-kata Said itu berasa sangat gembira dan ingin mendapatkan mi goreng daripada

Puteri Siti Dewi dengan segera. Dalam situasi ini, para penonton didedahkan dengan unsur kejutan kerana mereka akan membuat pelbagai andaian dan ternanti-nanti apakah yang akan berlaku kepada Wok Yoh apabila dia berjumpa dengan tuan puteri.

KESIMPULAN

Sekitar tahun 1970-an dan 1960-an seni persembahan wayang kulit merupakan seni budaya yang popular dan sangat penting dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan sebagai alat untuk berhibur. Namun, akibat modenisasi dan urbanisasi, seni tersebut mula dipandang sepi dan tidak lagi dijadikan entiti seni untuk berhibur, malahan wayang kulit Kelantan menjadi sangat terasing dalam kalangan generasi muda kini.

Oleh sebab itu, makalah ini memberikan tumpuan pada pelbagai perubahan dan pembaharuan dalam seni persembahan wayang kulit Dalang Saupi sehingga berjaya menarik kembali minat khalayak terhadap wayang kulit. Hal yang berkaitan dengan kehebatan, kesaktian dan peperangan, serta percintaan dalam kalangan golongan istana tidak lagi diberikan keutamaan. Unsur humor dan kejenakaan yang menghiburkan telah diangkat dan mendominasi penceritaan. Beliau juga telah memasukkan pelbagai isu terkini, perkembangan semasa dan juga hal yang relevan dengan kehidupan masyarakat tempatan dalam penceritaan.

Bagi menghidupkan jalan penceritaan, dalam setiap persembahan, watak sampingan dalam kalangan inang pengasuh seperti Pak Dogol, Wok Long, Wok Yoh, Samat dan juga Said telah ditonjolkan dengan lebih ketara. Kelemahan, kekurangan dan juga kedangkalan sifat, dan sikap keempat-empat watak inang pengasuh tersebut dimanipulasikan untuk menimbulkan kejenakaan dalam penceritaan. Untuk mencetuskan humor dalam penceritaan, maka pelbagai elemen telah diterapkan dalam penceritaan. Antaranya termasuklah kritikan terhadap kecacatan dan ketidak-sempurnaan anggota tubuh badan yang dimiliki oleh setiap watak, serta pelbagai aksi dan perbuatan yang janggal dan aneh. Selain itu, pelbagai tindakan yang menghasilkan kejutan kepada khalayak yang menyaksikan persembahan juga turut diketengahkan. Reaksi humor menjadi lebih berkesan apabila semua aspek tersebut berlaku secara spontan dan bersahaja.

Dalam usaha memperkatakan humor dan seni hiburan dalam persembahan, kajian ini turut menemui teknik Dalang Saupi menerapkan unsur didaktik secara halus dan juga “teladan fikir” dalam penceritaannya. Melalui dialog bersahaja oleh watak inang pengasuh, peranan wayang kulit sebagai agen penyedar masyarakat, wadah kritikan sosial, serta penentu batas perlakuan atau tindak-tanduk, dan penyaluran maklumat, turut diselitkan. Bagi Dalang Saupi, persembahannya bukan semata-mata sebagai elemen hiburan, tetapi turut berfungsi sebagai alat untuk mengubah sikap,

pandangan dan persepsi masyarakat terhadap pelbagai isu setempat dan juga dapat membangkitkan kesedaran khalayak dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada agama, moral, kekeluargaan dan juga kemasyarakatan.

RUJUKAN

- Abdul Razak Mahmud, 2002. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Collins Cobuild English Language Dictionary*, 1987. London: London University.
- Kamus Dewan*, 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghulam Sarwar Yousof, 1992. *Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre*. Selangor Darul Ehsan: Tempo Publishing (M).
- Hanapi Dollah, 1995. "Pengenalan" dlm. Hanapi Dollah dan Lokman Mohd Zen (ed.). *Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah*. Bangi: Jabatan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanapi Dollah, 1995. "Politik Kelantan dalam Zaman Transisi (1900–1955) dlm. Mohammad Agus Yusoff (ed.). *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955–1995*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Awang, 1997. *Kritikan Sastera: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Othman, 2004. *Wayang Gedek: Warisan Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Hazim Amir, M. A., 1991. *Nilai-nilai Etos dalam Wayang*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Kamus Dwibahasa*, 2000. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, 1983. *Esei dan Kritikan Drama*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Matusky, Patricia, 1980. "Music in the Malay Shadow Puppet Theatre". Disertasi PhD., University Michigan, Ann Arbor.
- Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh (penyelenggara), 1986. *Warisan Kelantan V: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Istana Jahar.
- Rahimidin Zahari, 2007. "Dollah Baju Merah: Dalang Wayang Kulit Kelantan" dlm. Mohamad Saleeh Rahamad, Saifullizan Yahaya, Shamsudin Othman dan S. M. Zakir (penyelenggara). *Budaya Serumpun Mendepani Globalisasi*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).
- Rentse, Anker, "The Kelantan Shadow Play" dlm. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, hlm. 284–301, 1936.
- Shaiful Bahri Md. Radzi, 2000. "Malay Humorous Tales: Performance, Corpus of Oral Texts and Its Study". Disertasi PhD. University of London, London.

- Sheppard, Mubin, "Pak Dogol and Wa' Long: The Evolution of Comedians in the Malay Shadow Play in Kelantan" dlm. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society* 38, hlm. 1–5, 1965.
- Sheppard, Mubin, 1983. *Taman Saujana: Dance, Drama, Music and Magic in Malaya Long and Not-So-Long Ago*. Selangor Darul Ehsan: International Book Service.
- Solehah Ishak (ed.), 2010. *Seni dan Budaya Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Sweeney, Amin, 1972. *The Ramayana and the Malay Shadow Play*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sweeney, Amin. "Wayang Kulit dan Cabaran Masa Kini" dlm. *Dewan Budaya*, hlm. 36–42, Oktober 1990.
- Yasuko, Togari, 2007. "Perkembangan Semasa Wayang Kulit Kelantan" dlm. Mohamad Saleh Rahamad, Saifullizan Yahaya, Shamsudin Othman dan S. M. Zakir (penyelenggara). *Budaya Serumpun Mendepani Globalisasi*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).

Diperoleh (*Received*): 8 Mac 2016

Diterima (*Accepted*): 26 September 2016